

# KAJIAN MANUSKRIP *GHAYAT AL-TULLAB* OLEH SYEIKH DAUD AL-FATANI

**A STUDY OF THE MANUSCRIPT *GHAYAT AL-TULLAB* BY SYEIKH DAUD AL-FATANI**

**Wan Kamal Nadzif Wan Jamil<sup>1\*</sup>**

**Arnie Adnan<sup>2</sup>**

**Ghazali Basri<sup>3</sup>**

**Noriah Mohamed<sup>4</sup>**

**A. Irwan Santeri Doll Kawaiid<sup>5</sup>**

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-mail: wankamal@gmail.com)

<sup>2</sup>Sekolah Kebangsaan Iskandar Perdana, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-mail: arnieadnan1982@gmail.com)

<sup>3</sup>Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar al-Hikmah, Sungai Ramal Dalam, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

(E-mail: ghazali.basri@gmail.com)

<sup>4</sup>Yayasan Karyawan, Menara Dewan Bahasa & Pustaka, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur, Malaysia.

(E-mail: nong.mohamed@gmail.com)

<sup>5</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia.

(E-mail: a.irwan@usim.edu.my)

\*Corresponding author

## Article history

**Received date** : 19-6-2025

**Revised date** : 20-6-2025

**Accepted date** : 25-7-2025

**Published date** : 15-8-2025

## To cite this document:

Wan Jamil, W. K. N., Adnan, A., Basri, G., Mohamed, N., & Kawaiid, A. I. S. D. (2025). Kajian manuskrip *Ghayat Al-Tullab* oleh Syeikh Daud Al-Fatani. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 902 - 912.

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk meneliti manuskrip *Ghayat al-Tullab* (juga dikenali sebagai *Bughyat al-Tullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam al-Sawab*), hasil karya agung Syeikh Daud al-Fatani, seorang ulama terkemuka Alam Melayu pada abad ke-13H/19M. Manuskrip ini merupakan rujukan utama dalam bidang fiqh Mazhab Syafi'i dan berperanan sebagai pelengkap kepada karya-karya sebelumnya iaitu *al-Sirat al-Mustaqim* dan *Sabil al-Muhtadin*. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dan analisis teks untuk meneliti sumber asal kitab yang diterjemahkan dan diperluas oleh Syeikh Daud al-Fatani untuk khalayak di Alam Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa persoalan yang sering timbul terhadap penulisan kitab-kitab jawi sekadar terjemahan sumber Arab dijelaskan menerusi karya ini di mana Syeikh Daud al-Fatani berjaya mengadaptasi karya fiqh berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu melalui rujukan silang pelbagai sumber seperti penulisan tesis masa kini dengan pendekatan yang sistematis untuk menghasilkan pandangan fiqh yang bersesuaian dengan konteks sosial dan budaya masyarakat setempat. Selain itu, kajian ini juga mengupas polemik berkaitan tarikh kelahiran dan kewafatan Syeikh Daud al-Fatani berdasarkan rehlah ilmiahnya dan penglibatannya dalam perjuangan politik di Patani. Secara tuntasnya, *Ghayat al-Tullab* bukan sahaja memperkaya khazanah fiqh di Nusantara, tetapi juga menegaskan peranan besar Syeikh Daud al-Fatani dalam memastikan kesinambungan warisan keilmuan Islam di Alam Melayu.

*Karya ini memberikan sumbangan signifikan dalam memperkuat kefahaman umat Islam terhadap hukum-hakam syarak, menjadikannya rujukan penting yang relevan sepanjang zaman.*

**Kata kunci:** Syeikh Daud al-Fatani, Ghayat al-Tullab, Fiqh Mazhab Syaf'i, Warisan Keilmuan Islam

**Abstract:** This study aims to examine the manuscript *Ghayat al-Tullab* (also known as *Bughyat al-Tullab li Murid Ma'rifah al-Ahkam al-Sawab*), the magnum opus of Syeikh Daud al-Fatani, a prominent Islamic scholar from the Malay Archipelago in the 13th century AH/19th century CE. This manuscript is a key reference in the field of Syafi'i jurisprudence and serves as a complement to earlier works such as *al-Sirat al-Mustaqim* and *Sabil al-Muhtadin*. Using historical and textual analysis, this study explores the original sources of the text which were translated and expanded by Syeikh Daud al-Fatani for the Malay-speaking public. The findings of this study address recurring issues regarding the translation of Arabic sources into Malay in Jawi literature. It demonstrates how Syeikh Daud al-Fatani successfully adapted Arabic legal texts into the Malay language, cross-referencing various sources with a systematic approach to produce legal perspectives that align with the social and cultural context of the local community. Furthermore, this study critically examines the polemics surrounding Syeikh Daud al-Fatani's birth and death date, grounded in investigations of his scholarly journey and his active involvement in the political struggles in Patani. In conclusion, *Ghayat al-Tullab* not only enriches the fiqh heritage of the Nusantara but also underscores Syeikh Daud al-Fatani's significant role in ensuring the continuity of Islamic knowledge in the Malay Archipelago. This work contributes significantly to strengthening the understanding of Islamic law and remains an essential and relevant reference across generations.

**Keywords:** Syeikh Daud al-Fatani, Ghayat al-Tullab, Syafi'i School of Thought, Islamic Knowledge Heritage

## Pendahuluan


*Al-'Alim al-'Allamah al-'Arif al-Rabbani* Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Wan Idris (selepas ini disebut dengan singkatan Syeikh Daud al-Fatani) merupakan antara ulama Islam yang terkenal di Alam Melayu sekitar abad 13H/19M (Joni Tamkin, 2002). Beliau merupakan seorang ulama besar Patani dan pengarang yang prolifik. Kitab-kitab karangannya yang merangkumi pelbagai bidang agama bukan sahaja tersebar di Alam Melayu malahan menurut Wan Muhammad Shaghir (1991) seperti dinukilkan oleh Mohd Mokhtar (2005), hingga ke Mekah dan Afrika Selatan. Beliau diiktiraf sebagai anak Melayu Patani yang mencapai tahap ilmuwan di peringkat antarabangsa. Di antara karyanya yang terkenal dalam bidang feqah ialah *Bughyat al-Tullab Li Murid Ma'rifah al-Ahkam al-Sawab* yang bermaksud keinginan penuntut ilmu dalam mencari hukum hakam sebenar. Persoalan yang timbul adalah kerana manuskrip yang dikaji menggunakan nama *Ghayat al-Tullab* bukannya namanya yang masyhur *Bughyat al-Tullab* dan di kolofon akhir manuskrip tercatat yang kitab ini selesai ditulis pada 17 Rajab 1274 Hijrah di negeri Cianjur (Al-Fatani, 1274). Apabila diubah kepada tahun Masihi, ia bersamaan 3 Mac 1858 dan Cianjur ialah sebuah wilayah di Jawa Barat, Indonesia yang terletak di antara Jakarta dan Bandung. Kajian ini bertujuan untuk memastikan adakah kitab *Ghayat al-Tullab* merupakan kitab yang sama dengan kitab *Bughyat al-Tullab*. Objektif kajian ini juga adalah untuk mencari pandangan yang paling tepat tentang tahun kelahiran dan kewafatan Syeikh Daud al-Fatani.

### Latar Belakang Syeikh Daud Al-Fatani

Nama penuh beliau ialah Wan Daud bin Wan Abdullah bin Wan Idris bin Wan Abu Bakar bin Wan Ismail bin Wan Faqih Ali Datuk Maharaja Lela bin Mustaffa Datu Jambu (Mohd Mokhtar, 2005). Gelarannya ialah Tok Syeikh Daud atau Syeikh Daud Waliyullah atau Syeikh Daud Keramat yang masyhur dengan gelaran *al-'Allamah al-'Alim al-'Arif al-Rabbani* Syeikh Daud al-Fatani. *Al-'Alim* dan *al-'Allamah* menunjukkan keluasan ilmunya manakala *al-'Arif al-Rabbani* menunjukkan beliau seorang yang dekat dengan Allah. Ia satu bentuk penghormatan oleh guru-guru dan murid-murid yang mengiktiraf ketokohan ilmunya. Gelaran ini diberi ketika beliau dilantik menjadi seorang ulama dan penulis di kota Mekah dari perwakilan kerajaan Turki yang berpengkalan di Mekah (Adli, 2021).

Patronimi keturunannya mempunyai nama-nama lain seperti datuknya Syeikh Wan Idris dikenali juga dengan Wan Derashid atau Wan Senik manakala poyangnya Wan Ismail digelar Tok Kaya Pandak. Bapa kepada Wan Ismail iaitu Wan Faqih Ali atau Andi Ali Datuk Maharajalela berasal dari Sulawesi dan tiba di Patani pada tahun 1409. Ibu kepada Syeikh Daud bernama Wan Fatimah binti Wan Salmiah atau Wan Salamah yang berasal dari Champa, Kemboja. Susur galur ibu dan bapanya bertemu pada Wan Faqih Ali yang bergelar Datuk Maharaja Lela (Mohd Mokhtar, 2005). Keturunan daripada Faqih Ali al-Malibari inilah yang menghubungkan nasab Syeikh Daud al-Fatani dengan Rasulullah SAW.

Syeikh Daud al-Fatani ialah anak sulung daripada lima orang adik-beradik. Adik-adiknya bernama Wan Abdul Qadir, Wan Abdul Rasyid, Wan Idris dan seorang adik perempuan yang namanya tidak diketahui. Syeikh Daud al-Fatani pernah berkahwin namun tidak mempunyai anak. Beliau mengambil empat orang anak angkat iaitu dua orang anak saudaranya dan dua orang cucu saudaranya (Rashidi, 2019). Dua orang anak saudaranya itu bernama Wan Fatimah dan Wan Zainab yang merupakan anak kepada Wan Idris. Manakala dua orang cucu saudaranya bernama Wan Abdul Qadir iaitu anak kepada Wan Fatimah dengan Wan Abdul Rahman, dan seorang lagi Wan Muhammad iaitu anak kepada Wan Zainab dengan Wan Ismail Daudi. Syeikh Wan Abdul Qadir dan Syeikh Muhammad bin Ismail Daudi yang masyhur dengan gelaran Syeikh Nik Mat Kecik kemudiannya membesar menjadi ulama terkenal. Selepas Syeikh Daud meninggal dunia, semua harta pusaka beliau jatuh kepada dua orang adik lelakinya iaitu Wan Abdul Qadir dan Wan Idris (Rashidi, 2019).



**Rajah 1: Salasilah Syeikh Daud al-Fatani**

Sumber: Ahmad Sharifuddin et al., 2020.

### **Khilaf Tahun Kelahiran dan Kewafatan Syeikh Daud**

Syeikh Daud al-Fatani lahir di Kampung Parit Sungai Kerisik, Patani. Kerisik adalah ibu kota kerajaan Islam Patani dari abad ke-13 hingga 14 Masihi. Antara kesan peninggalan Syeikh Daud yang masih ada di Patani ialah Telaga Syeikh Daud atau Telaga Dinar yang berada di Kampung Parit Sungai Kerisik. Kawasan ini dahulunya adalah bekas pondok usang tinggalan nenek moyang Syeikh Daud al-Fatani. Berhampiran dengan Telaga Syeikh Daud ini terletaknya Kebun Bunga Raja Istana Kerisik (Rashidi 2019).



**Rajah 2: Telaga Syeikh Daud al-Fatani di Kerisik**

Sumber: Wan Kamal Nadzif, W.J.

Para penyelidik berbeza pandangan tentang tahun kelahiran Syeikh Daud dan tahun kewafatannya (Noraine, 2019). Berdasarkan kajian, terdapat dua pandangan yang masyhur tentang tahun kelahiran dan kewafatannya:

1. 1769 – 1847 bersamaan 1183 – 1263 Hijrah.
2. 1718 – 1879 bersamaan 1131 – 1297 Hijrah.

Pandangan pertama bermaksud Syeikh Daud meninggal dunia ketika umurnya 78 tahun atau 80 tahun menurut kalendar Hijrah (Mohd Mokhtar, 2005). Pandangan ini banyak dinukilkan oleh penulis tempatan termasuk ulama Patani seperti yang disebut oleh Baba Rashidi ‘Abdul Rahman al-Fatani (2019). Manakala pandangan kedua, bermaksud beliau meninggal dunia ketika umurnya 161 tahun atau 166 tahun menurut kalendar Hijrah (Ahmad Sharifuddin et al., 2020). Ini berdasarkan kenyataan daripada Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Abdul Qadir al-Sanawi dan ia turut dipegang oleh Wan Muhammad Shaghir (1991).

Menurut kajian oleh Mohd Mokhtar (2005), Syeikh Daud lahir pada akhir abad ke-18 yang bersamaan dengan pandangan pertama. Ini berdasarkan kitab pertama yang dikarang oleh Syeikh Daud berjudul *Idah al-Albab*. Ia dikarang pada tahun 1224 Hijrah yang menurut R.O. Windstedt ditulis sekitar tahun 1809. Andai Syeikh Daud mula menulis karya pertamanya pada umur 30-an, maka pandangan pertama lebih tepat (Mohd Mokhtar, 2005). Jika menurut pandangan kedua, Syeikh Daud mula menghasilkan karya pertama sekitar umur 80-an. Snouck Hurgronje mengatakan Syeikh Daud aktif menulis sekitar tahun 1815 – 1840, apabila namanya kerap muncul dalam katalog manuskrip Malay Batavia (Mohd Mokhtar, 2005).

Asas kedua ialah berdasarkan latar belakang Syeikh Daud dan politik di Patani ketika itu. Syeikh Daud terlibat dalam perang sabil melawan penjajah Siam yang menyerang kerajaan Patani. Peristiwa terbakarnya Istana Chabang Tiga pada tahun 1785 akibat serangan Siam menandakan Kesultanan Melayu Patani semakin melemah dan berada di bawah pengaruh Siam sepenuhnya pada 1786 (Rashidi, 2019). Syeikh Daud al-Fatani mula menuntut ilmu di Patani selama lima tahun. Rehlah ilmiah beliau bermula dengan mengembara ke Aceh dan belajar di sana selama dua tahun. Kemudian beliau berlayar ke Mekah dan berguru di sana selama lima tahun. Sepanjang berada di Mekah inilah, beliau pernah kembali ke Patani untuk menyertai perang sabil dan berjihad menentang tentera Siam.

Rekod sejarah mencatatkan kebangkitan rakyat Patani menentang tentera Siam berlaku pada tahun 1791, 1808 dan 1831 (Ibrahim, 1985). Syeikh Daud akhirnya terpaksa berundur setelah kekalahan di Cenuk. Beliau pergi ke Terengganu kemudian ke Aceh dan akhirnya ke Mekah dan menetap di Taif hingga wafat. Berdasarkan peristiwa peperangan yang berlaku dan keterlibatan beliau secara langsung, umurnya mengikut pandangan pertama lebih berasas kerana usianya yang masih muda dan kudratnya yang masih gagah.

Riwayat hidup Syeikh Daud al-Fatani sering diringkaskan seperti berikut: Patani sebagai tempat kelahirannya, Mekah sebagai tempatnya bermukim, dan Taif sebagai tempatnya dikebumikan (Mohd Mokhtar, 2005). Makam beliau berada di tanah perkuburan yang berdekatan dengan makam seorang Sahabat Nabi iaitu 'Abdullah bin al-'Abbas di Taif (Rashidi 2019). Menurut Noraine (2019), terdapat sumber lisan yang menyatakan jenazah Syeikh Daud dipindahkan oleh cucu saudaranya Syeikh Nik Mat Kecik ke Mekah dan ditanam di bawah pohon bidara di rumahnya akibat gerakan Wahabi yang membongkar kubur-kubur yang dikeramatkan.

### **Manuskrip *Ghayat Al-Tullab***

Manuskrip ini berjudul *Ghayat al-Tullab* terdiri daripada tiga jilid yang tersimpan di Perpustakaan Nasional Indonesia, Jakarta. Berdasarkan kajian, isi kandungan manuskrip ini bersamaan dengan kitab *Bughyat al-Tullab* yang dikarang oleh Syeikh Daud al-Fatani seperti cetakan oleh Matba'ah Halabiy, Patani, Thailand. Maka manuskrip *Ghayat al-Tullab* sebenarnya adalah kitab *Bughyat al-Tullab*. Isi kandungan teks mengandungi lapan bab utama iaitu:

1. Khutbah Kitab
2. Kitab Taharah
3. Kitab Sembahyang
4. Kitab Jenazah
5. Kitab Zakat
6. Kitab Puasa
7. Kitab Iktikaf
8. Kitab Haji dan Umrah

Jilid pertama manuskrip terdiri daripada 479 muka surat manakala jilid kedua manuskrip terdiri daripada 508 muka surat. Jilid ketiga manuskrip terdiri daripada 495 muka surat dengan keseluruhan halaman dari jilid satu hingga tiga berjumlah 1,482 muka surat.


**Jadual 1: Manuskrip *Ghayat al-Tullab* di Perpustakaan Nasional Indonesia**

Jilid	Kod	Bil. Halaman	Kitab
Satu	W 1.a	479	Khutbah kitab, taharah dan sembahyang
Dua	W 1.b	508	Sembahyang dan jenazah
Tiga	W 1.c	495	Zakat, puasa, iktikaf dan haji umrah

Pada bahagian mukadimah manuskrip ini, tercatat tulisan Syeikh Daud: "Dan aku namakan terjemah ini *Bughyat al-Tullab li Murid Ma'rifat al-Ahkam bi al-Sawab*. Dan kepada Allah *i'timad-ku* (pergantunganku) mengilhamkan sawab dan memberi taufik bagi barang yang dapat aku menghasilkan *idah* (penerangan) bagi maksud dan memudahkan dia." Ini menjelaskan bahawa manuskrip *Ghayat al-Tullab* sebenarnya adalah kitab *Bughyat al-Tullab*. Pada bahagian kolofon manuskrip iaitu di akhir kitab tercatat: "Kemudian daripada itu maka khatam kitab ini pada hari Arba' (Rabu) pada tujuh belas haribulan Rajab pada waktu Zuhur hijrah Nabi SAW seribu dua ratus tujuh puluh empat tahun pada negeri Cianjur." Ini menunjukkan manuskrip

*Ghayat al-Tullab* selesai ditulis pada 17 Rajab 1274 Hijrah bersamaan 3 Mac 1858 di negeri Cianjur (Al-Fatani, 1274).

Maka berdasarkan pandangan pertama iaitu tahun wafatnya pada 1847/1263H, berkemungkinan besar manuskrip ini disalin oleh anak murid Syeikh Daud atau penyalin selepas itu. Manakala menurut pandangan kedua iaitu tahun wafat Syeikh Daud pada 1879/1297H, berkemungkinan manuskrip ini ditulis oleh beliau atau penyalin semasa hayatnya. Menurut Winstedt, kemungkinan *Bughyat al-Tullab* selesai ditulis pada tahun 1859. Namun menurut Mohd Mokhtar (2005), tahun sebenar kitab *Bughyat al-Tullab* disempurnakan tidak diketahui, yang pasti ia adalah antara karya terakhir Syeikh Daud. Kitab *Bughyat al-Tullab* adalah kitab kedua terbesar oleh Syeikh Daud selepas kitab *Furu 'al-Masa'il* yang selesai ditulis pada tahun 1257H.



**Rajah 3: Halaman Pertama Manuskrip**

Sumber: Perpustakaan Nasional Indonesia.



**Rajah 4: Kolofon Terakhir Manuskrip**

Sumber: Perpustakaan Nasional Indonesia.

Setiap manuskrip mengandungi 17 baris bagi setiap muka surat dan keadaan fizikal teks masih dalam keadaan baik dan boleh dibaca. Teks ditulis dengan tinta hitam manakala permulaan bab dan perenggan ditulis menggunakan tinta merah iaitu pada permulaan perkataan. Khat yang digunakan dalam penulisan ialah gaya Nasakh dan Riq‘ah menggunakan ejaan tulisan Jawi lama dengan laras bahasa terjemahan Arab ke bahasa Melayu lama. Pengkaji telah dilantik oleh pihak Yayasan Karyawan untuk transliterasi manuskrip *Bughyat al-Tullab* ke ejaan bahasa Melayu rumi beserta kajian hadith dan riwayat yang terdapat dalam manuskrip ini. Semoga dengan siapnya projek transliterasi ini nanti, khalayak dapat membaca karya Syeikh Daud dengan lebih mudah dan mendapat manfaat daripada ilmu yang beliau tinggalkan.

### Sumber Rujukan *Bughyat Al-Tullab*

Tradisi sastera kitab di Alam Melayu kebanyakannya adalah karya terjemahan, saduran dan syarahan daripada kitab-kitab Arab di Timur Tengah. Bagi karya kitab agama, ini menunjukkan sumber pengambilan ilmu berasal usul daripada tempat agama Islam ini berkembang. Sanad pengambilan dan pengijazahan ilmu tidak terputus dan bersambung-sambung dari satu generasi kepada generasi selepasnya.

Dalam konteks kitab *Bughyat al-Tullab*, ia adalah karya terjemahan daripada kitab Arab yang berjudul *Hasyiah al-Bujairimi ‘ala al-Khatib* yang dikarang oleh Syeikh Sulaiman bin Muhammad al-Bujairimi (m.1860/1221H). Hasyiah bermaksud catatan atau keterangan yg ditulis di tepi buku. Ini disebabkan kitab *Hasyiah al-Bujairimi* adalah karya hasyiah daripada kitab *al-Iqna ‘fi Hil Alfaz Abi Syuja‘* yang dikarang oleh al-Khatib al-Syarbini (m.977/1570H). Manakala kitab *al-Iqna‘* adalah karya syarahan daripada kitab *al-Ghayah wa al-Taqrif* atau nama lainnya *Matan Abi Syuja‘* yang dikarang oleh al-Qadi Abu Syuja‘ (m.1197/593H). Syarahan merujuk kepada keterangan, huraihan, penjelasan dan ulasan daripada matan asal yang lebih ringkas.

Pengarang matannya yang asal ialah Abu Syuja‘, nama teknonimi kepada seorang tokoh iaitu Ahmad bin al-Husain al-Asfahani. Keluarganya berasal dari Asfahan, Iran namun beliau dilahirkan di Basrah, Iraq. Selepas 40 tahun menetap di Basrah al-Qadi Abu Syuja‘ berpindah ke Madinah dan wafat di sana pada tahun 433H. Kitab ini beliau karang sebagai ringkasan kepada fiqh mazhab Syafi‘i dan inilah matan asal. Matan bermaksud naskhah asli iaitu nas atau teks asal yang disyarah dan kebanyakan kitab-kitab matan dalam bahasa Arab. Ringkasnya, matan merujuk kepada teks asal sesuatu kitab yang biasanya dalam bentuk ayat-ayat mudah dan ringkas. Syarahan adalah penjelasan kepada teks-teks dalam matan. Hasyiah adalah keterangan kepada syarah dan terjemahan adalah alih bahasa dari teks asal kepada bahasa pembaca.

Syeikh Daud al-Fatani telah berjaya memindahkan karya terkenal mazhab Syafi‘i untuk menjadi tatapan dan bacaan umum kepada orang awam di Nusantara. Bukan sekadar terjemahan bahasa kerana teks-teks agama mempunyai uslub atau gaya bahasanya tersendiri ditambah dengan istilah-istilah khusus dalam feqah dan mazhab (Ahmad Sharifuddin et al., 2018). Inilah sumbangan ulama terdahulu sesuai dengan kadar dan perkembangan ilmu pada zaman tersebut. Generasi sekarang seharusnya melengkapkan karya ulama silam dengan menyempurnakan karya mereka. Kajian riwayat hadith dan metodologi penulisan karya ulama silam menunjukkan karya-karya terdahulu sentiasa mendapat perhatian oleh pengkaji terkini. Selain daripada itu, Syeikh Daud juga merujuk kitab-kitab lain yang beliau sebutkan dalam mukadimah *Bughyat al-Tullab*. Katanya:

Daripada kitab yang muktamad pada mazhab yang difatwakan seperti *Minhaj* dan segala syarahnya yang masyhur seperti *Tuhfat* bagi Syeikh Ahmad bin Hajar dan *Nihayah* bagi Syams al-Din al-Ramli dan *Mughni* bagi ‘Allamah al-Khatib al-Syirbini dan syarah al-Damiri. Dan *Fath al-Wahhab* serta syarahnya dan *Syarh al-Tahrir* keduanya bagi Syaikh al-Islam ialah pohon kitab kebanyakannya dan tertibnya serta beberapa hasyiahnya. Seperti al-Madabighi dan Khadir dan al-Syarqawi dan lainnya pada mazhab *Imam al-A’immah wa Sultan al-Ummah* al-Syafi‘i radiya Allahu ‘anhу.

Berdasarkan mukadimah Syeikh Daud, ini adalah senarai kitab-kitab yang menjadi rujukannya dalam menghasilkan karya *Bughyat al-Tullab*. *Minhaj al-Talibin* oleh Imam al-Nawawi sebagai kitab matan yang asal. Empat syarah utama kepada kitab ini, pertama *Tuhfat al-Muhtaj* oleh Syeikh Ahmad bin Hajar al-Haitami, kedua *Nihayah al-Muhtaj* oleh Syeikh Syams al-Din al-Ramli, ketiga *Mughni al-Muhtaj* oleh ‘Allamah al-Khatib al-Syirbini dan keempat *al-Najm al-Wahhab* atau syarah al-Damiri. Syeikh Daud al-Fatani memberi penghargaan yang khusus kepada Syeikh Zakariyya al-Ansari apabila menyebut kitab karangannya sebagai pohon kitab iaitu *Fath al-Wahhab* dan *Syarh al-Tahrir* atau *Tuhfat al-Tullab*. Juga penghargaan terhadap kitab hasyiah yang dikarang oleh Hasan al-Madabighi, Khadir dan ‘Abdullah al-Syarqawi.

Antara sumber rujukan kitab *Bughyat al-Tullab* ialah *Hasyiah al-Bujairimi* oleh Syeikh Sulaiman yang mensyarahkan *Manhaj al-Tullab* oleh Syaikh al-Islam Zakariyya al-Ansari yang meringkaskan *Minhaj al-Talibin* oleh Imam al-Nawawi. Ini adalah kitab rujukan utama Syeikh Daud selain daripada *Fath al-Wahhab* dan *al-Iqna*. Terdapat dua versi *Hasyiah al-Bujairimi* iaitu *Hasyiah al-Bujairimi ‘ala al-Minhaj* dan *Hasyiah al-Bujairimi ‘ala al-Khatib* oleh Syeikh Sulaiman bin Muhammad bin ‘Umar al-Bujairimi (m. 1221H). Syeikh Daud juga merujuk *Hasyiah al-Jamal* oleh Syeikh Sulaiman bin ‘Umar b. Mansur al-Jamal (m. 1204H). Kedua-dua mereka iaitu Syeikh Sulaiman al-Bujairimi dan al-Jamal merupakan ulama al-Azhar. Dalam proses transliterasi, penulis banyak merujuk kitab *Hasyiah al-Bujairimi ‘ala al-Minhaj* dan *Hasyiah al-Jamal* untuk memahami maksud asal Syeikh Daud dalam bahasa Arab.

**Jadual 2: Sumber Rujukan Kitab *Bughyat al-Tullab***

Bil.	Karya	Kitab
1	Terjemah	<i>Ghayat al-Tullab @ Bughyat al-Tullab</i>
2	Hasyiah	<i>Hasyiah al-Bujairimi ‘ala al-Minhaj &amp; Hasyiah al-Bujairimi ‘ala al-Khatib</i>
3	Syarah	<i>Manhaj al-Tullab &amp; Al-Iqna</i>
4	Matan	<i>Minhaj al-Talibin &amp; Matan Abi Syuja</i>

Anak angkat merangkap cucu saudara Syeikh Daud juga mempunyai karya yang hampir sama dengan bapa angkatnya iaitu kitab *Bahrul Wafi*. Kitab yang dikarang oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daudi ini menjadi rujukan dalam silibus haji Lembaga Tabung Haji Malaysia. Dalam konteks kitab *Bahrul Wafi*, ia adalah karya terjemahan daripada kitab Arab yang berjudul *Hasyiah al-Jamal* yang dikarang oleh Syeikh Sulaiman bin ‘Umar al-Jamal. Kitab *Hasyiah al-Jamal* adalah karya hasyiah daripada kitab *Manhaj al-Tullab* yang dikarang oleh Zakariyya al-Ansari. Manakala kitab *Manhaj al-Tullab* adalah karya syaranan daripada kitab *Minhaj al-Talibin* yang dikarang oleh Imam al-Nawawi (m.1277/676H).

Proses daripada matan ke syarah diikuti penjelasan melalui hasyiah sebelum diterjemahkan, menunjukkan kesinambungan sanad dan amanah dalam menyampaikan ilmu. Ini membezakan

kitab agama berbanding karya sastera berbentuk hikayat dan cerita kerana apabila dimelayukan akan berlaku tokok tambah untuk disesuaikan dengan watak lokal oleh sahibul hikayat. Oleh sebab itu, kebanyakan kitab-kitab Melayu tidak jelas pengarangnya berbanding kitab-kitab agama yang dinyatakan pengarang dan nama kitabnya. Syeikh Daud al-Fatani adalah seorang cendekiawan Melayu terkenal dan mendapat perhatian yang begitu besar daripada intelektual, penyelidik, ahli sejarah, penulis biografi, dan pencari ilmu disebabkan oleh legasi besar beliau dalam bidang penulisan (Che' Razi, 2017).

## Kesimpulan

Kitab *Ghayat al-Tullab* merupakan kitab yang sama dengan kitab *Bughyat al-Tullab*. Ini merujuk kepada catatan Syeikh Daud al-Fatani di bahagian mukadimah manuskrip *Ghayat al-Tullab*. Selain itu, isi kandungannya yang mengandungi lapan bab disusun sebagaimana kitab lain yang menamakannya sebagai *Bughyat al-Tullab*. Kitab ini merupakan antara karya terbesar beliau yang dikarang di akhir hayatnya. Selain itu, kajian ini memilih pandangan pertama sebagai pandangan yang paling tepat tentang tahun kelahiran dan kewafatan Syeikh Daud al-Fatani iaitu pada 1769 – 1847 bersamaan 1183 – 1263 Hijrah berdasarkan kitab pertama dihasilkannya serta latar belakang politik di Patani iaitu penglibatan beliau dalam perang sabil menentang Siam. Penulisanan kitab *Bughyat al-Tullab* oleh Syeikh Daud al-Fatani membuktikan tahap keintelektualannya yang tinggi dalam menghasilkan kitab khusus berkaitan fiqh ibadah menurut mazhab Syafi'i melalui kajian terhadap pelbagai sumber rujukan yang diadun selari dengan konteks masyarakat setempat.

## Rujukan

- Al-Fatani, D. A. (1274). *Ghayat al-Tullab*. Perpustakaan Nasional Indonesia.
- Adli, Y. (2021). Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris Al Fatani: Tokoh Ulama Nusantara Abad Ke 19: Riwayat Hidup dan Peranannya Dalam Bidang Pendidikan Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4(16), 107-128.
- Ahmad Hidayat, B., Mohd Zaidi, D., & Mohd Hafiz, J. (2023). On The Question of Kitab Jawi's Originality: Analysis on Al-Fatani's Nahj Al-Raghabin on Essentials of Sale Contract. *Jurnal AFKAR*, 25(1), 1-42.
- Ahmad Sharifuddin, M., Abdul Karim, A., & Nur Zainatul Nadra, Z. (2018). Sheikh Daud al-Fatani as Scholar in Malay Archipelago: Overview on his Writings. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(2.29), 332-337.
- Ahmad Sharifuddin, M., Abdul Karim, A., Nur Zainatul Nadra, Z., & Intan Farhana, S. (2020). Tokoh Ulama Nusantara: Sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani (1769-1847m) Dalam Fiqh al-Shafie. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 1(2), 92-100.
- Ibrahim, S. (1985). *History of the Malay Kingdom of Patani*. Ohio University.
- Che'Razi, J. (2017). Creativity in Malay Commentary Works: A Special Reference to Shaykh Dawud al-Fatani's Ward, *Al-Zawāhir*. *Journal of Islam in Asia*, 14(3), 341-365.
- Joni Tamkin, B. (2002). Beberapa Aspek Pemikiran Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani Dalam Perbankan Islam: Tumpuan Kepada Furu' Al-Masail. *Jurnal AFKAR*, 3(1), 195-211.
- Mohd Zohdi, M. A., & Kawaид, A. I. S. D. (2022). *Hadith Mawdu' Dalam Kitab Bughyah Al-Tullab Karangan Sheikh Daud Al-Fatani (Juzuk 1): Satu Kajian Semula*. The 8th International Prophetic Conference (SWAN 2022), 446-454.
- Mohd Aizul, Y. (2022). Analysis of Narrations on the Virtues of Hijri Months in *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* by Shaykh Dawud al-Fatani. *Al-Burhān Journal of Qur'ān and Sunnah Studies*, 6(1), 15-26.

- Mohd Mokhtar, S. (2005). *Sheikh Daud Al-Fatani: His Life History and Works*. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Noraine, A. (2019). *Munyatul Musalli Idaman Orang Yang Solat*. Al-Hidayah Publication.
- Rashidi, A. R. (2019). *'Umdah al-Ahbab fi Tahqiq Bughyat al-Tullab*. v.1. Pondok Tepus.
- Wan Muhammad Shaghir, W. A. (1991). *Sejarah Ringkas Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani dan Karya-Karyanya*. Seminar Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Kali Keempat: Syeikh Daud al-Fatani.